

# Bangkitkan agenda rakyat

Oleh ZULKIFLI JALIL  
(WARTAWAN UTUSAN)

"BERGANTUNG kepada tajuk, menteri-menteri besar akan komen atas tajuk yang dibangkitkan oleh Pak Lah.

"Tapi, tak semua tajuk berkisar soal ekonomi, sosial dan politik ini memerlukan penyertaan menteri besar. Katakan tajuk itu menyentuh penyelarasan air (negeri), biasanya ia melibatkan penyertaan sebahagian besar menteri besar dan jika perihal memerangi dadah, cukup beberapa orang, kita ikut saja."

Begitulah secebis suasana perjalanan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang diceritakan semula oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam kepada *Utusan Malaysia*, semalam.

Setiap mesyuarat ini mempunyai signifikannya tersendiri, lebih-lebih lagi Jumaat ini yang memasuki kali ke-100.

Mesyuarat yang diadakan purata sekurang-kurangnya empat kali dalam setahun itu penting untuk membolehkan Kerajaan Pusat memperoleh input pembangunan dan menyelaraskannya - dari masalah kecil sehinggalah sebesar-besarnya termasuk menanganai sebarang ketirisan.

Andai kata ada pendapat menyatakan mesyuarat ini diadakan sekadar memenuhi jadual Mesyuarat Majlis Raja-Raja Melayu, ia barangkali tidak tepat.

Mengimbas masa lalu, mesyuarat pertama diadakan pada 1948 melibatkan penyertaan Menteri-Menteri Besar Sembilan Negeri Melayu di Dewan Majlis Negeri Selangor. Antara menteri besar yang hadir ialah Datuk Onn Jaafar (Johor), Datuk Mohamad Mat (Pahang) dan Datuk Hamzah Abdullah (Selangor). Onn dilantik sebagai pengerusi.

Antara yang dibincangkan ialah pelaksanaan berkenaan pelajaran dan latihan untuk orang Melayu seperti yang tercatat dalam perjanjian-perjanjian negeri. Per-

janjian ini berkehendakkan kerajaan membina asrama dan menyediakan biasiswa untuk pelajar Melayu dari luar bandar dan pelajar miskin. Selain itu, turut dibangkitkan berkisar elau kediaman kepada menteri besar dan setiausaha kerajaan negeri serta kawalan polis untuk menteri besar.

Dengan bermulanya mesyuarat pertama itu, pentadbiran setiap negeri telah diselaraskan. Malah, menteri besar kerajaan-kerajaan negeri dapat berbincang, seterusnya memberi pandangan demi untuk memajukan negeri masing-masing.

Begitulah seterusnya kesinambungan matlamat mesyuarat ini. Masa berlalu dan Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri terus relevan selaras tuntutan semasa. Misalnya, mesyuarat dipengerusikan Menteri Besar Johor, Tan Sri Osman Mohd. Saad pada 1981 yang antara lain meminta Kerajaan Pusat mengkaji semula syarat-syarat pemberian rumah konsep kondominium yang sedang dibina di seluruh negara untuk memastikan ia dinikmati semua golongan rakyat.

Topik lain ialah merayu Kementerian Kewangan supaya mengkaji semula dasar meminta bank-bank memberi keutamaan kepada peminjam-peminjam yang melebihi RM100,000 serta meminta Kerajaan Pusat menentukan kadar royalti ke atas bijih keluaran negeri-negeri dari 10 peratus ketika itu kepada 20 peratus.

Mesyuarat pada 1999 pula membangkitkan agenda untuk mengukuhkan perkhidmatan perancangan bandar dan desa antara Kerajaan Pusat dan negeri serta kelewatan pihak berkuasa tempatan mengeluarkan sijil kelayakan menduduki (CF). Turut dibincangkan ialah laporan prestasi pelaksanaan program menaikkan taraf jalan kampung secara gotong-royong.

Dan dengan kini terarah untuk melihat kejayaan pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) tanpa kerenah birokrasi dan rasuah, mesyuarat ini diperlukan dengan Abdullah mahu kerajaan-kerajaan negeri menyediakan laporan impak



MESYUARAT Menteri Besar dan Ketua Menteri merupakan salah satu platform untuk membincangkan agenda pembangunan negara. Gambar Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri tahun lepas.

bagi menilai prestasi setiap projek yang dilaksanakan. Laporan itu perlu mengandungi maklumat terperinci, keberkesanan dan faedahnya kepada rakyat.

"Banyak projek yang dilaksanakan di negeri-negeri menghadapi masalah kerana kurang pemantauan, penyenggaraan dan penilaian bagi setiap fasa projek itu. Jadi, ini (laporan impak) perlu ditekankan kerana ia termasuk dalam aspek perkhidmatan untuk masyarakat.

"Jangan dibiarkan apabila sudah teruk, barulah nak membetulkannya dan akhirnya menerima kecaman dan kemarahan rakyat," kata Perdana Menteri ketika melakukan lawatan kerja ke Selangor bulan lalu.

Sehingga kini, Abdullah telah melakukan tinjauan ke Terengganu, Sarawak, Sabah dan Melaka dalam misi persediaan rapi RMK-9 menerusi input yang diperoleh hasil Mesyuarat Menteri Besar

dan Ketua Menteri yang dipengerusikan beliau.

Kerana itu, Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-100 Jumaat ini mempunyai nilai sentimental.

Bagi Mohd. Ali, mesyuarat ini menepati semangat musyawarah dan kesepakatan kerajaan Barisan Nasional.

"Ada masalah yang kerajaan negeri tidak mampu pikul khususnya peruntukan kewangan dan ia mendapat perhatian serius Pak Lah. Pak Lah beri pandangan beliau tentang perkara ini," kata beliau.

Dengan suasana sekarang mahukan rakyat mengubah cara hidup dan berjimat cermat sehinggalah ada pihak cuba menaikkan harga barang tanpa restu kerajaan, Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri Ke-100 semakin penting demi memastikan amanat dan keazaman Kerajaan Pusat ini diterjemahkan kepada rakyat akar umbi.